



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## KENYATAAN MEDIA

### TINJAUAN PELAKSANAAN INISIATIF MENU SISWA RAHMAH

---

1. Saya telah membuat tinjauan pelaksanaan inisiatif Menu Siswa Rahmah di Kafeteria Randau Rasa, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini.
2. **Menu Siswa Rahmah adalah salah satu daripada inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam membantu meringankan beban kos sara hidup mahasiswa Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).**
3. Ia bertujuan memastikan kelangsungan kebajikan mahasiswa IPT daripada golongan B40 terus dijaga dan proses pembelajaran dan pengajaran tidak terjejas.
4. KPT dengan kerjasama pihak pengurusan universiti awam dan pengusaha kafeteria/ kiosk/ gerai/ penyedia perkhidmatan makanan memperkenalkan hidangan makanan (minum pagi/ makan tengahari/ makan malam) dengan **harga berpatutan iaitu RM3.50 per hidangan.**
5. Penyediaan Menu Siswa Rahmah ini turut mengambil kira keperluan nutrisi asas (karbohidrat, protein, serat) dan komposisi kepelbagaian kaum mahasiswa di universiti awam.
6. **Dijangkakan sekitar 386,067 mahasiswa (70.2% enrolmen mahasiswa di Universiti Awam) yang terdiri daripada golongan B40 akan mendapat manfaat daripada inisiatif ini.**

7. Inisiatif Menu Siswa Rahmah ini melibatkan **pemberian moratorium/ pegecualian bayaran sewa premis/ bayaran utiliti oleh pihak universiti kepada 235 pengusaha** kafeteria/ kiosk/ gerai/ penyedia perkhidmatan makanan sedia ada dan baharu di seluruh kampus yang bernilai **RM3,034,318.45**.
8. Inisiatif ini juga disambut baik oleh **24 buah politeknik dan 8 buah kolej komuniti di seluruh Malaysia** yang melibatkan sekitar **98 pengusaha kafeteria/ kiosk/ gerai/ penyedia perkhidmatan makanan di politeknik dan kolej komuniti secara keseluruhannya**.
9. Dianggarkan seramai lebih **7 ribu pelajar politeknik dan hampir 5 ribu pelajar kolej komuniti** mendapat manfaat daripada inisiatif ini.
10. Mewakili KPT, saya menyeru agar lebih ramai pengusaha kafeteria/ kiosk/ gerai/ penyedia perkhidmatan makanan untuk bersama-sama menyokong pelaksanaan inisiatif Menu Siswa Rahmah ini agar dapat meringkankan tanggungan perbelanjaan makanan harian mahasiswa khususnya dalam kalangan golongan B40.

**DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN**  
**MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**  
**16 MAC 2023**